


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Membentuk Minda Cemerlang Di Usia Muda Melalui Pertandingan Olimpiad Matematik

Dr Suzila Mohd Kasim
Pensyarah Pusat Asasi

Penyertaan dalam pertandingan olimpiad matematik sejak di bangku sekolah rendah memberikan pelajar peluang luar biasa untuk mengembangkan potensi diri. Pertandingan olimpiad matematik merupakan sebuah program yang bersifat sangat kompetitif dan menilai keupayaan peserta melalui ujian penyelesaian masalah matematik tahap tinggi.

Sejarah penyertaan peserta dari Malaysia ke pertandingan olimpiad matematik iaitu Olimpiad Matematik Antarabangsa (IMO) bermula pada tahun 1995 di Toronto, Kanada. Sebelum itu, pertandingan IMO mula dipertandingkan pada tahun 1959. Walaubagaimanapun, ia hanya melibatkan penyertaan di

peringkat sekolah menengah. Namun, kesedaran terhadap kepentingan melatih bakat muda lebih awal mendorong kepada pengenalan beberapa pertandingan matematik di peringkat sekolah rendah menjelang akhir 1990-an.

Melalui pertandingan ini, pelajar bukan sahaja belajar menyelesaikan soalan sukar, malah melatih kesabaran serta membentuk disiplin dalam pembelajaran. Dengan pendedahan awal terhadap cabaran matematik bertaraf tinggi, pelajar akan menjadi lebih yakin menghadapi cabaran di masa hadapan. Olimpiad matematik juga menjadi wadah yang menyeronokkan bagi melahirkan pelajar yang berpandangan jauh dan mencintai ilmu.

Mengasah pemikiran secara logik

Penyertaan di pertandingan seumpama ini dari usia muda membantu pelajar mengasah daya berfikir secara logik. Kebiasaannya, soalan yang diberi adalah tidak menyerupai seperti dalam buku teks, malah memerlukan pelajar untuk berfikir di luar kotak. Contohnya, soalan adalah berkaitan pencarian corak nombor tersembunyi atau membina strategi bagi menyusun objek secara bermatematik. Melalui latihan ini, pelajar akan belajar melalui pelbagai cara bagi menyelesaikan masalah yang sama. Ini menjadikan mereka lebih fleksibel dalam berfikir dan tidak mudah putus asa apabila menghadapi cabaran akademik. Kemahiran ini juga boleh diadaptasi dalam kehidupan seharian seperti merancang masa atau menyelesaikan isu harian dengan logik yang teratur.

Membina keyakinan diri

Apabila usaha pelajar memahami soalan yang sukar membuahkan hasil, mereka pasti akan berasa kagum dan bangga dengan keupayaan dan kemampuan diri sendiri. Melalui pertandingan olimpiad ini, lazimnya bukan kesemua soalan mampu dijawab dengan mudah. Oleh itu, pelajar akan belajar untuk menerima kegagalan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Pengalaman ini menjadikan mereka lebih tabah dan tidak cepat berputus asa. Sikap positif ini amat penting untuk menghadapi cabaran hidup dan akademik yang mendatang.

Mengukuhkan asas matematik

Penyertaan awal dalam pertandingan olimpiad matematik dapat membantu pelajar memahami konsep asas matematik dengan lebih mendalam. Mereka bukan sekadar menghafal formula, tetapi melalui proses belajar bagaimana dan mengapa sesuatu formula digunakan. Sebagai contoh, apabila mempelajari teori nombor, pelajar akan memahami konsep faktor perdana atau corak ganjil dan genap secara lebih jelas melalui aktiviti penyelesaian masalah. Ini menjadikan pelajar lebih bersedia untuk mempelajari topik matematik tahap tinggi di sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi. Pemahaman yang kukuh juga membantu mereka meneroka bidang lain seperti sains komputer, kejuruteraan, dan ekonomi, yang kesemuanya bergantung kepada kemahiran matematik yang kukuh.

Berfikir secara kritis dan kreatif

Selain itu, pelajar perlu menganalisis setiap soalan dengan teliti sebelum membuat keputusan. Mereka belajar menilai maklumat yang diberi, menghubungkan corak, dan merancang langkah penyelesaian yang strategik. Contohnya, dalam soalan kombinatorik, mereka perlu mempertimbangkan terdapat pelbagai kemungkinan diperoleh untuk mencari bilangan cara sesuatu kejadian yang boleh berlaku. Kemahiran ini mengajar pelajar untuk membuat keputusan

yang bijak berdasarkan bukti dan logik. Ia bukan sahaja berguna dalam akademik, tetapi juga dalam kehidupan seharian seperti mengurus kewangan, merancang masa, dan membuat pilihan rasional dalam situasi sukar. Secara keseluruhannya, penyertaan awal dalam pertandingan olimpiad matematik memberi kesan positif terhadap perkembangan akademik dan peribadi pelajar. Ia bukan sekadar pertandingan, tetapi satu perjalanan pembelajaran yang melatih minda dan membina semangat juang yang tinggi. Melalui pengalaman ini, pelajar akan terdidik untuk menghargai usaha, memahami nilai kegigihan, dan menanam minat terhadap ilmu matematik.

Selain itu, pengalaman menyertai pertandingan ini akan mengubah persepsi pelajar terhadap subjek matematik daripada sesuatu yang sukar kepada menyeronokkan. Dengan asas matematik yang kuat dan berfikiran positif, pelajar bukan sahaja berpotensi cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga mampu menjadi pemikir hebat yang menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara. Dari penganjuran tempatan hingga penyertaan antarabangsa dalam pertandingan olimpiad matematik, Malaysia kini berada di barisan hadapan dalam memupuk generasi muda yang celik matematik dan berdaya saing.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.